








Sari Pustaka



**SARI PUSTAKA
BIL. I/2019**

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



DATIN SRI HAJAH NURZARINA BINTI SEPRAN
MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM A. BADARUDDIN

Rahsia Aura Wanita : Pencetus Kecemerlangan Cerminan Kewibawaan

Selangor: Casa Duke Resources, 2019.

ISBN: 9789672107088

ULASAN

Wanita telah diciptakan bukan untuk dikagumi tetapi sebagai sumber kebahagiaan seorang suami. Umum juga kita pernah mendengar tidak mungkin bahagia hidup seorang lelaki tanpa didampingi oleh isteri yang mulia. Begitu tinggi sekali wanita ini diciptakan Tuhan ke dunia.

Buku bertajuk **Rahsia Aura Wanita : Pencetus Kecemerlangan Cerminan Kewibawaan** ini banyak menceritakan tentang betapa pentingnya dan tinggi maruah wanita dijulang ketika ini. Wanita yang berkeperibadian tinggi mampu menjadi idola bukan sahaja kepada wanita lain di luar sana tetapi kepada kaum lelaki juga.

Ia dimulakan dengan pengenalan kepada sejarah peradaban wanita yang merangkumi pada Zaman Yahudi, Tamadun China, Bangsa Romawi, Orang-orang Mesir Kuno dan penganut Hindu. Di dalam bab ini, penulis menonjolkan bagaimana taraf layanan bagi

lelaki dan wanita dibezakan mengikut jantina. Pada zaman dahulu, lelaki lebih diangkat berbanding wanita dan hak wanita juga dinafikan.

Namun selari dengan perkembangan dunia dan agama, kaum wanita semakin diangkat hak dan kedudukan wanita juga telah membuka mata masyarakat. Wanita juga telah ditempatkan sebagai mahluk mulia yang harus dijaga berikutan kata pepatah pernah menzahirkan '*Tangan yang menghayun buaian mampu menggongcang dunia*'.

Apa yang menarik tentang buku ini ialah di mana penulis berkongsi beberapa tips berkenaan bagaimana mampu menjadikan seseorang wanita itu sentiasa beraura, tips dalam meningkatkan yakin diri wanita yang bertudung dan hebatnya wanita ini sebagai isteri dan ibu. Beliau menyatakan yang wanita perlu sentiasa bermotivasi untuk pandang ke hadapan. Minda juga perlu sentiasa positif, menjadi diri sendiri kerana setiap orang mempunyai kelebihan dan keburukan masing-masing, sentiasa menyerlahkan penampilan diri dengan penuh keyakinan dan senyumlah selalu supaya orang yang berada di sekeliling juga mampu tersenyum dengan aura positif yang kita bawa.

Daya penarik pesona diri wanita juga dapat dibentuk melalui perkongsian ini, di mana ia juga mampu membantu terutama sekali bagi wanita-wanita di luar sana yang masih lagi belum bertemu jodoh. Berkongsi perkara-perkara seperti apa yang perlu dilakukan dan tidak apabila berhadapan dengan lelaki mampu menzahirkan pesona seseorang wanita supaya menjadi wanita idaman dan pilihan setiap lelaki.

Menariknya lagi, penulis turut bercerita mengenai beberapa kajian yang telah dijalankan seperti rahsia di sebalik cara wanita berjalan, rahsia di sebalik senyuman dan wajah. Semua ini merupakan bonus bagi seorang wanita dalam mengetahui dan muhasabah dengan keperibadian mereka sendiri. Apa yang pasti, bukan sahaja wanita yang cantik akan membuka mata lelaki malahan wanita yang baik pasti juga akan membuka mata hati lelaki.

Perkongsian dari Datin Sri Hajjah Nurzarina binti Sepran dan Mejar (B) Mohammad Qayyum A. Badaruddin ini pada pandangan saya amat menarik, bukan sahaja sebagai bahan bacaan kaum wanita tetapi lelaki juga. Melalui buku ini, dapat mereka kenali peribadi diri dan dapat juga bagi kaum suami mengenali peribadi isteri. Pelayaran kehidupan ini indah jika manusia saling cuba mengenali dan melengkapi antara satu sama lain.

Pengulas:

Fatin Eleena binti Ab Rahim


Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MR. AMAN

Reality Cara Kerja Di Australia

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

Ar Razq Supplier, 2019.

ISBN: 9789671683408

ULASAN

Setiap insan ingin hidup selesa. Setiap insan ingin bekerjaya. Dunia ini terbuka luas untuk setiap manusia mencari kekayaan untuk kesenangan hidup. Walau apa pun pencapaian akademik, setiap insan berhak untuk mencari rezeki mengikut kemampuan masing-masing. Di dalam dunia realiti hari ini, pekerjaan yang menawarkan pulangan lumayan adalah pilihan setiap insan. Tidak kira di mana tempatnya, tidak kira apa cuacanya, geografi, fizikal, rupa bentuk muka bumi, persekitaran, jenis pekerjaan, semua ini mampu menarik minat setiap insan jika pulangannya lumayan!

Buku bertajuk “**Reality Cara Kerja di Australia**” merupakan satu catatan, panduan, nota bertulis yang sahih dan cara bagaimana untuk mendapatkan pekerjaan yang agak mudah – namun mencabar di masa kini – pemetik buah di Australia! Walaupun pelbagai ejen, agensi malah orang perseorangan pernah dan sedang menawarkan pelbagai iklan yang menarik di media sosial mengenai pekerjaan tersebut; buku ini memberi panduan yang terkini, lengkap, langkah demi langkah tentang bagaimana untuk memperoleh pendapatan yang agak lumayan untuk bekerja sebagai pemetik buah di Australia.

Fakta sebenar. Itulah perkataan pertama yang agak menarik untuk dikongsikan melalui buku ini. Garapan kemas, ringkas, bersahaja namun lengkap dan jitu daripada Mr. Aman, Mr. John dan Mr. David, membawa pembaca mengenali apa itu tawaran pekerjaan sebagai pemetik buah di Australia. Ada yang mendengar melalui kawan dan rakan, saudara mara, mahupun terbaca di dada-dada akhbar media cetak, elektronik ataupun media sosial. Garapan buku ini diolah untuk memberikan gambaran secara teras lagi jelas tentang apa itu pekerjaan pemetik buah di Australia sepertimana yang kita maklum terdapat segelintir kes-kes penipuan yang didedahkan oleh media massa terhadap tawaran pekerjaan tersebut kerap dibaca dan didengari.

Pengenalan mengenai tatacara persediaan yang lengkap seperti pengetahuan, persediaan mental dan fizikal, persediaan dokumentasi dan sebagainya mewarnai bab awalan. Sikap positif, rangkaian dan jaringan perhubungan perlulah sah dan perlu diutamakan supaya tidak tertipu oleh ejen-ejen yang mengaut keuntungan semata-mata tanpa menyediakan tawaran yang sepatutnya. Walaupun bekerja di negeri orang pendapatannya lumayan, namun persedian mental dan fizikal, cabaran dan dugaan haruslah ditempuhi. Ini termasuklah juga dengan karenah birokrasi yang perlu dipatuhi dan dihadapi jika ingin mendapatkan habuan lumayan di negeri orang.

Seterusnya para penulis membawa pembaca mengenali negara Australia sebuah negara yang mengamalkan kehidupan sama seperti di Malaysia. Rata-rata rakyatnya juga pencari rezeki pada sebelah siang dan bersama keluarga di sebelah malam. Perbezaan matawang dan kos sara hidup juga yang menjadi topik yang digarap oleh

penulis. Sudah tentulah matawang di Australia berbeza dengan negara kita dan kos-kos pengangkutan, makan minum dan yang seumpamanya juga berbeza.

Apa yang menarik tentang bab-bab seterusnya adalah pengalaman sebenar yang digarap oleh para penulis untuk para pembaca. Pembaca dibawa untuk berkongsi pengalaman beberapa warga Malaysia yang telah dan sedang bekerja sebagai pemetik buah di sana. Para penulis juga menggarap beberapa fakta menarik untuk dikongsikan seperti kaedah-kaedah imigresen di Australia, skop kerja sebenar para pemetik buah, kos-kos yang perlu ditanggung jika ingin menyertai pekerjaan di sana dan sebagainya.

Buku ini menarik kerana para penulis bijak menyusun fakta sebenar yang perlu diketahui agar pembaca tidak merasa bosan. Buku ini tidak terlalu sarat dengan fakta dan maklumat dan ia diolah seringkas mungkin untuk kefahaman para pembaca. Buku ini mampu memberi kesan mendalam kepada pembaca. Dengan terbitnya karya ini diharap pembaca bukan hanya sekadar membaca namun mampu beroleh ilmu mengenai apa jua fakta yang boleh dijadikan pengetahuan dan dokongan. Selain itu, diharap pembaca mampu menilai sejauh mana rezeki di bumi ini terlalu luas, kitalah sebagai pembaca perlu berusaha jika ingin berjaya.

Pengulas:

Azizan bin Wahab


Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SYAZANA SAMSUL, NF. AMIRA SALLEH &
MIZA RAMLI

S.E.M.P.U.R.N.A: Yang Tidak Sempurna, Tidak Semestinya Tidak Bahagia

Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN: 9789672038788

ULASAN

Semua orang suka kesempurnaan dalam kehidupan. Malah, tidak semua memiliki kesempurnaan. Ketidaksempurnaan yang kita ada ini bukanlah kelemahan kita. Tetapi, ia adalah kelebihan. Itulah ‘sempurna’ yang kita miliki. Buku ini adalah kisah pengalaman penulis dan masyarakat bagi memberi inspirasi dan motivasi buat hati yang lelah dan menyedarkan buat jiwa yang gundah.

Buku berjudul “S.E.M.P.U.R.N.A” merupakan catatan pengalaman sebenar tiga orang penulis yang menyentuh dan mengupas pelbagai isu yang dekat dengan masyarakat. Penulis mengharapkan buku ini dapat membimbing pembaca ke arah kebaikan dan menjadi yang lebih baik. Lumrah sebuah kehidupan, ada badai dan ada ombak seperti

lautan, ada hujan, ada taufan dihantar dari langit. Ada taufan yang menggetarkan tubuh, tetapi ada juga bayu yang menenangkan badan. Itulah dinamakan ujian. Ujian kita berbeza. Disebabkan itulah lakaran graf hidup setiap orang berlainan. Ada saat bergembira, ada detik berduka. Walau cara bahagia kita tidak sama, tetapi tujuan kita tetap serupa. Allah SWT juga tujuan utama kita.

Gaya tulisan buku ini lebih kepada penyampaian santai tetapi masih berilmiah dengan isu yang melingkupi ruang kehidupan. Penulis juga menerapkan dengan kata-kata hikmah, bingkisan puisi, coretan kisah benar, dan peribahasa yang menjadikan ia lebih menyentuh jiwa. Setiap isu yang diceritakan disokong kuat dengan dalil-dalil Al-Quran dan hadis.

Masa silam ada yang gembira dan ada yang sedih. Perkara yang mengembirakan boleh dijadikan kenangan yang manis dalam kehidupan. Tetapi perkara yang menyedihkan, memalukan atau tidak menyenangkan sangat susah dihilangkan daripada ingatan. Semakin kita cuba menghilangkannya, semakin kuat ingatannya dalam kepala. Penulis menerangkan cara yang terbaik untuk berdamai dengan masa lalu, bukan dengan melupakan apa yang sudah terjadi. Tetapi dengan menerima segala yang berlaku dengan tenang. Kita perlu ikhlas dalam menerima segala perkara yang telah berlaku dan sebagai sebuah pengajaran pada masa akan datang.

Buku ini sangat bagus untuk dibaca kepada semua golongan kerana ia mengandungi elemen-elemen yang positif untuk meneruskan kehidupan dengan lebih bersemangat. Setiap bab yang ada pada buku ini mempunyai kisah yang berlaku di dunia realiti di mana terdapat banyak dugaan dan cabaran yang perlu kita hadapi. Setiap orang berbeza cabarannya. Walaupun berbeza, cara kita menerima ujian itu perlu ikhlas demi mencapai kebahagiaan hidup. Penulis menekankan sifat qana'ah perlu ada dalam diri manusia supaya menjadikan hati lebih bahagia. Qana'ah adalah sikap menerima dan berasa cukup. Mereka yang ada sifat ini dalam diri tidak akan mudah berasa kecewa dan cemburu dengan apa yang mereka miliki.

Buku ini menarik kerana ia mempunyai pelbagai kisah dan cara bagaimana untuk bangkit dari masa silam, ia mampu memberi kesan yang mendalam kepada pembaca khususnya yang mempunyai kisah sedih masa silam agar dapat bangkit dari kehidupan lalu kepada lebih bahagia dan bermotivasi dalam mengejar syurga Allah SWT. Dengan dunia sekarang yang penuh dengan fitnah dan dosa, buku ini dapat menyedarkan kita bahawa perkara yang perlu kita kejar bukanlah dunia tetapi akhirat yang hakiki. Terdapat banyak kisah yang kita boleh teladani daripada buku ini melalui kata-kata positif yang dikongsikan oleh penulis bagi membangkitkan lagi hidup menjadi lebih baik.

Manusia memang ingin menjadi insan yang sempurna di mata manusia tetapi memang sukar dan tidak pernah akan sempurna. Sebagai insan janganlah risau kerana kita semua dipandang sempurna di mata Allah SWT. Sentiasa bersyukur dan ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara supaya hidup kita lebih diberkati dan menjadi insan paling bahagia di akhirat sana nanti.

Pengulas:


Nur Fatin Shahirah binti Tajuddin

Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ARIF SUKRI

Diet Tanpa Stres

Selangor : Galeri Ilmu Sdn. Bhd. , 2019.

ISBN : 9789830977607

ULASAN

Diet Tanpa Stres adalah sebuah kisah benar yang dilalui oleh penulisnya sendiri. Dalam buku ini terdapat coretan-coretan menarik mengenai perjuangan penulis yang suatu ketika dahulu pernah tergolong dalam kalangan mereka yang obes. Bermula dari keperitan di dalam memulakan langkah sehingga beliau berjaya. Titik kejayaan beliau adalah apabila beliau kini telah menjadi sebahagian daripada jurulatih kecergasan yang membantu rakan-rakan yang lain untuk mengurangkan berat badan.

Karya ini bukanlah hanya merangkumi panduan diet dan pelan pemakanan yang lengkap, sebaliknya, naskhah ini menghimpunkan cerita, tips, panduan, nasihat serta himpunan mitos yang berlambak di alam maya. Ia menjelaskan subjek-subjek diet dengan cara yang santai, jenaka dan juga aplikasi yang fleksibel buat para pembaca di dalam menurunkan berat badan secara sihat tanpa tekanan.

Menariknya buku ini, penulis juga berkongsi mitos-mitos diet yang menjadi amalan masyarakat. Contohnya, penulis berkongsi mitos bahawa makan selepas jam 8.00 malam adalah tidak boleh. Menurut penulis, yang seharusnya dilakukan adalah mengawal dan meneliti setiap kualiti serta kuantiti makanan yang akan dimakan.

Memandang penulis adalah seorang jurulatih kecergasan, penulis turut menyelitkan beberapa nasihat bagi mereka yang ingin menurunkan berat badan. Di dalam ruangan nasihat ini, penulis menitikberatkan keperluan mengamalkan diet dan tidak stress dengannya.

Tips berkaitan diet pula dikongsikan dalam cara yang ringkas dan padat. Penulis memberikan contoh yang ringkas tetapi padat dengan mesej bagi menjawab segala persoalan yang kerap muncul. Turut disertakan di bahagian akhir adalah pelan pemakanan yang boleh dijadikan rujukan pembaca bagi memulakan proses diet. Penulis juga turut menyediakan pelan pemakanan yang boleh digunakan pembaca beserta nota pelan diet yang boleh dijadikan rujukan dan langkah pertama bagi pembaca memulakan kehidupan ke arah gaya hidup yang sihat.

Buku ini menggunakan bahasa yang amat mudah difahami walaupun penulis ada menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris silih berganti di dalam satu ayat. Bukan itu sahaja, olahan setiap topik juga dilakukan dengan menggunakan ayat yang mudah difahami dan ringkas. Berbanding buku-buku yang ada di pasaran yang menitikberatkan penggunaan ayat yang panjang, penulis memastikan beliau menyampaikan maklumat secara terus dan tidak berselindung. Malah, terdapat juga beberapa bab di mana penulis memberikan contoh ringkas, namun diselitkan dengan kata-kata nasihat yang lembut tetapi tegas.

Pada masa kini, menjadi kurus telah menjadi satu trend di Malaysia dan selaras dengan itu, pelbagai produk kecantikan yang kononnya berupaya membantu pengguna untuk mengurangkan berat badan, sekaligus mendapat berat dan bentuk badan yang ideal. Namun, hal ini amat membimbangkan kerana kebanyakan produk ini tidak berkualiti dan

memudaratkan pengguna itu sendiri. Oleh itu, penghasilan buku ini amat bagus supaya rakyat Malaysia sedar akan kepentingan mempunyai berat badan yang ideal dan sihat.

Pengulas:

Fatin Hazwani binti Zaini


Penolong Pengarah

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RAUDZAH ARIPPIN

Maaf Suami Puan Kritikal : Catatan Hati Seorang Isteri

Petaling Jaya, Selangor: Legacy Publishing PLT,
2017.

ISBN: 9789670893402

ULASAN

Sakit bukan musibah. Sakit adalah hikmah yang dipenuhi dengan sejuta rahmat. Rahmat yang menyuntik semangat bagi mengubah seluruh pemikiran terhadap kehidupan. Buku ini adalah kisah hati seorang isteri yang diberikan ujian suami yang diserang strok. Buku ini merupakan diari harian seorang isteri yang berperang dengan konflik diri dalam mendepani kehidupan untuk menguruskan suami, anak-anak, rumah dan diri sendiri. Sebuah kisah inspirasi yang pasti meruntun jiwa pembaca.

Buku berjudul "Maaf Suami Puan Kritikal" merupakan catatan pengalaman sebenar penulis sepanjang menjaga dan mengurus suaminya yang menghidap strok. Penulis menegaskan bahawa strok adalah penyakit yang dapat dirawat. Pesakit strok tidak

sepautnya dibiarkan terlantar di atas katil sahaja sehingga akhir hayat kerana mereka berpeluang untuk pulih.

Penulis berkongsi kisah peribadinya dalam format diari supaya pembaca lebih jelas mengikuti kronologi pengalaman dan proses penyembuhan serta pemulihan suaminya. Di awal catatan beliau berkongsi cerita beliau dan anak-anak serta suami menghabiskan hari minggu dengan penuh ceria dan secara tiba-tiba suaminya diserang strok. Di akhir catatan penulis turut menyertakan beberapa tips dan panduan apa yang perlu dilakukan sekiranya situasi sama berlaku agar dapat memberi manfaat kepada pembaca.

Strok menjadi antara tiga punca kematian di Malaysia, namun masih ramai yang tidak menyedari punca-punca, tanda-tanda strok dan rawatan yang patut diberikan. Disebabkan kurangnya kesedaran itu mengakibatkan ramai yang menjadi cemas apabila salah seorang ahli keluarga turut terkena serangan strok. Penulis turut berkongsi pengalaman semasa suaminya terkena serangan strok secara tiba-tiba.

Buku ini agak berbeza dari buku yang berkisar penjagaan pesakit strok yang berada di pasaran. Secara keseluruhannya persembahan dan garapan penulis cukup teliti. Bersesuaian dengan tajuk pada awal bacaan, pengulas hampir menumpahkan air mata apabila penulis akhirnya menangis kerana terlalu penat, emosi dan takut terhadap perencanaan Allah SWT untuknya dan keluarga di masa hadapan. Penulis takut dia tidak mampu menghadapinya. Namun kata-kata semangat yang sentiasa diterima daripada keluarga dan sahabat handai menjadikan beliau semakin kuat dan tabah.

Buku ini menarik kerana penulis bijak menyusun pengalaman beliau agar pembaca tidak merasa bosan dengan kisahnya. Buku ini terlalu sarat dengan fakta dan maklumat mengenai penyakit strok. Buku ini perlu dibaca dan dirujuk oleh sesiapa yang mempunyai ahli keluarga yang diserang strok. Walaupun penulis bukan seorang doktor namun penulis merasakan kesedaran untuk sama-sama mendidik masyarakat mengenai pemulihan pesakit strok melalui rehabilitasi.

Penulis berkongsi bagaimana hospital akhirnya menjadi sekolah kehidupan yang sangat hebat untuk beliau. Tidak pernah terfikir di lubuk pemikirannya yang hospital akan mengubah persepsi beliau terhadap banyak perkara. Penulis sangat tabah dalam menempuh perjalanan yang penuh suka duka, emosi dan perasaan yang bercampur baur. Memang tidak mudah menghadapi perubahan kehidupan secara total dan drastik.

Buku ini mampu memberi kesan mendalam kepada pembaca. Terbitnya karya ini diharap pembaca bukan hanya sekadar membaca namun mampu beroleh ilmu mengenai strok. Di samping itu, diharap pembaca mampu menceduk sedikit kekuatan yang ada pada penulis berdasarkan bagaimana beliau sebagai seorang ibu dalam meneruskan kehidupan untuk menggalas tugas sebagai ketua keluarga.

Pengulas:

Jamiliana binti Jamil


Penolong Pengarah

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



DR. NATASHA AIN MOHD NOR & DR HELENA
LIM YUN-HSUEN

Mutiara Ilmu Untuk Bakal Papa & Mama

Subang Jaya : Pitter Patter Sdn Bhd, 2018.

ISBN 978-967-10354-9-8

ULASAN

Bahan bacaan yang berjudul **Mutiara Ilmu Untuk Bakal Papa & Mama** ini merupakan terjemahan kepada Bahasa Melayu buku *Mummy's Secret: A Comprehensive Guide to A Healthy Pregnancy and Parenthood* yang telah diterbitkan pada 2011. Buku **Mutiara Ilmu Untuk Bakal Papa & Mama** ini hasil suntingan seorang pakar Obstetrik dan Ginekologi yang ingin berkongsi mengenai pelbagai tips dan ilmu mengenai kehamilan serta persediaan menjadi seorang papa dan mama daripada lebih 30 orang doktor pakar dan perunding daripada pelbagai hospital dan agensi perubatan.

Buku ini mempunyai tujuh (7) bab yang secara umumnya dipecahkan kepada topik sebelum kehamilan, pemakanan semasa hamil, proses kehamilan dan isu-isu berkaitan, proses melahirkan anak, penjagaan selepas bersalin, tips bersama bayi pada hari-hari awal kelahiran dan peranan seorang bapa dari tempoh kehamilan hingga kelahiran bayi.

Dalam bab pertama, seramai tiga (3) orang doktor pakar telah berkongsi tips dan larangan yang perlu diikuti dan dielakkan oleh ibu dalam proses mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal untuk kehamilan. Tip ini termasuk dari sudut pemakanan, makanan tambahan yang diperlukan, aktiviti sehari-hari yang dapat meningkatkan dan mengurangkan peluang serta simptom-simptom awal kehamilan yang perlu diperhatikan oleh ibu bagi mengelakkan keguguran awal kehamilan. Dalam bab kedua diterangkan mengenai aspek pemakanan semasa hamil yang perlu diambil oleh ibu bagi menjamin kesihatan ibu dan bayi dalam kandungan.

Tajuk yang paling menarik dan banyak dikupas serta dibincangkan oleh doktor pakar adalah di bab tiga iaitu proses kehamilan dan isu-isu berkaitan. Dalam bab ini diselitkan mengenai pemeriksaan antenatal dan ujian-ujian yang perlu dihadapi oleh ibu seperti ujian darah, ujian Rubella, ujian Sifilis, ujian Hepatitis B, ujian HIV, ujian HbA1C, ujian MGTT dan lain-lain. Ujian-ujian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti sekiranya terdapat masalah yang mungkin mengakibatkan kecacatan atau risiko keguguran kepada bayi. Selain itu, dalam bab ini juga diterangkan mengenai risiko-risiko penyakit yang biasanya dialami ketika kehamilan dan tips terbaik bagi mengelakkan risiko ini sebagai contoh jangkitan cacar air, penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, Talasemia, anemia, Plasenta Previa, Kandidiasis Vagina dan jangkitan saluran kencing. Isu-isu lain turut diterangkan seperti penggunaan vaksin, tip perjalanan semasa hamil, hubungan seks semasa hamil, posisi bayi songsang, psikologi wanita semasa kehamilan, kehamilan kembar, kelahiran pramatang dan penyimpanan darah tali pusat.

Dalam bab keempat pula diuraikan mengenai proses melahirkan anak samada secara normal mahupun secara pembedahan. Seramai enam (6) orang doktor pakar telah membincangkan pelbagai perkara seperti persediaan menyambut kelahiran bayi seperti pemilihan hospital bersalin, barang yang perlu dibawa semasa dimasukkan ke hospital, tanda-tanda apabila tiba masa bersalin dan peringkat-peringkat kelahiran. Selain itu, terdapat juga tips menangani sakit bersalin termasuk kaedah penahan sakit yang biasanya digunakan di hospital seperti gas penahan sakit, suntikan Pethidine, suntikan Epidural dan TENS. Penggunaan alat untuk membantu kelahiran bayi juga diterangkan secara jelas beserta ilustrasi bagi memudahkan kefahaman pembaca. Sebagai tambahan, buku ini juga mengupas mengenai isu dan anggaran kos yang perlu disediakan sekiranya ibu memilih untuk bersalin di hospital swasta.


Bab kelima membincangkan mengenai penjagaan selepas bersalin termasuk ujian kanser serviks, hubungan seks dan mencegah kehamilan kerana ibu perlu memulihkan keadaan dalaman badan sebelum hamil semula dan tips dalam penjagaan diri selepas bersalin. Sebagai tambahan daripada penulis, bab keenam dan ketujuh menerangkan mengenai tips-tips yang boleh dipelajari dan difahami oleh untuk menjadi ibu dan bapa terbaik. Antara tips yang dikongsi adalah mengenai punca dan cara menangani gejala bayi kerap menangis, cara-cara menenangkan bayi yang menangis, jadual imunisasi kanak-kanak dari lahir sehingga berusia enam tahun, vaksin yang boleh diambil oleh bayi serta peranan bapa dalam memberi sokongan kepada ibu daripada peringkat kehamilan hingga melahirkan dan tanggungjawab seorang bapa dalam membesar bayi bersama-sama.

Secara kesimpulannya, pengulas merasakan bahan bacaan ini amat sesuai untuk dibaca oleh ibu bapa yang baharu pertama kali merasai pengalaman hamil dan menimang cahaya mata. Bahan bacaan ini dapat memberikan gambaran awal dan maklumat tambahan kepada ibu dan bapa dalam memastikan mereka benar-benar bersedia untuk menerima orang baharu dalam kehidupan mereka.

Pengulas: **Nor Azlin binti Sahamed**
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Ahmad Nadzri Mohamad, Shaharom TM Sulaiman, Shamila Mohamed Shuhidan, Siti Arpah Noordin & Tengku Adil Tengku Izhar

Pusat Sumber Maklumat Dalam Era Digital

Shah Alam, Selangor : IM BOOKS
EVERYTHING, 2017.

ISBN 9789671406038

ULASAN

Buku ini diterbitkan dengan bertujuan untuk memberi maklumat terkini mengenai pusat sumber sekolah terutamanya di era teknologi maklumat ini. Ia amat bersesuaian untuk dibaca oleh semua yang berkenaan kerana ia membincangkan isu-isu terkini di dalam pengurusan pusat sumber. Ini termasuk penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan media sosial untuk tujuan penyebaran maklumat dan promosi, penggunaan teknologi realiti tambahan mudah alih, navigasi pusat sumber dan aplikasi teknologi

maklumat serta komunikasi yang lain. Perkara-perkara ini digunakan oleh pengurusan pusat sumber di dalam mengurus pusat sumber sekolah di alaf teknologi maklumat ini.

Buku ini membincangkan isu-isu yang berbeza dan terkini mengenai pusat sumber sekolah dan ia adalah sangat berguna untuk pustakawan sekolah, guru perpustakaan dan media, pegawai Kementerian Pendidikan, guru besar, pegawai tadbir sekolah, guru-guru, para pelajar dan mereka yang terlibat dalam pembangunan pengajaran serta pembelajaran secara umum di negara ini.

Pada masa ini pusat sumber perlu beroperasi selaras dengan kemajuan semasa. Ini adalah kerana dengan adanya teknologi-teknologi terkini yang boleh memberikan impak yang kuat dalam mempromosikan pusat sumber, ianya dapat membantu mempromosikan bahan-bahan di pusat sumber tersebut. Di era teknologi hari ini, pusat sumber perlu berdaya saing dalam menggunakan aplikasi terkini seperti media sosial dalam perkongsian maklumat. Teknologi media sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram* selalu diguna pakai oleh masyarakat dalam berkongsi maklumat. Selain itu, penggunaan media sosial juga amat meluas dalam kalangan organisasi-organisasi dalam berkongsi maklumat dan perkhidmatan kepada para pelanggan. Ini membuktikan teknologi amat penting dalam perkongsian maklumat di era digital.

Buku ini mengandungi lima (5) bab yang membincangkan isu-isu yang berbeza dan terkini mengenai pusat sumber di alaf teknologi maklumat. Kelima-lima bab ini ditulis oleh para penulis yang berbeza dari pelbagai latar belakang. Dengan adanya buku ini, diharap dapat memberi pendedahan yang lebih berkesan dan terkini kepada para pembaca.

Penulis bersetuju bahawa sistem pendidikan perlu membimbing generasi muda kita dalam memahami penglibatan mereka dengan teknologi digital supaya mereka memperoleh manfaat daripadanya. Penggunaan ICT di dalam pusat sumber adalah sangat penting. ICT telah banyak menyumbang kepada perkembangan pusat sumber secara global. Ia membantu pusat sumber dalam memudahkan proses pentadbiran dan pengurusan mereka. Selain itu, ICT juga memudahkan pustakawan atau guru perpustakaan dan media untuk berinteraksi dengan pengguna bagi memenuhi keperluan

maklumat pengguna secara cekap dan berkesan. Terdapat banyak faedah pelaksanaan ICT dalam pusat sumber. Antaranya adalah ICT memudahkan proses di dalam pusat sumber selain dapat menjimatkan masa. Faedah lain pelaksanaan ICT adalah ia membolehkan capaian jauh yang mana pengguna boleh mengakses pusat sumber bagi memudahkan proses mendapatkan sumber maklumat pada bila-bila masa dan di mana sahaja selain dapat menjimatkan masa.

Pengulas:

**Muhammad Hisyamuddin bin
Mohamad Noor**


Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



JOHAN IRWAN KAMAROZAMAN
Komunikasi Warna (Siri Kenali Diri Kuasai Dunia)
Puchong, Selangor : Leap Leadership Academy Sdn. Bhd., 2018.

ISBN 9789671677506

ULASAN

Buku Komunikasi Warna (Siri kenali diri kuasai dunia) hasil karya Johan Irwan Kamarozaman ini mengupas kaedah *Colored Brain* dalam aplikasi dalam mengenali karakter individu dan aplikasi dalam berkomunikasi dengan individu pelbagai warna. Dengan kajian *Ambiguity Relief* yang dijalankan oleh pengasas *Colored Brain*, Arthur F. Carmazzi memberikan satu rangka kerja mudah bagaimana *Colored Brain* dapat digunakan untuk merungkai permasalahan yang sering berlaku dalam berkomunikasi.

Menyelak helaian demi helaian buku setebal 141 muka surat ini dan mengandungi tiga (3) bahagian ternyata penulis mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai industri seperti pembuatan, keselamatan dan pendidikan. Memulakan kerjaya sebagai jurutera kemudian meneruskan kerjaya dalam

bidang pemasaran dan pembangunan perniagaan sebelum menjadi penceramah profesional yang dapat menyumbang lebih banyak dalam menyebarkan ilmu dan kemahiran terutama dalam bidang kepimpinan dan komunikasi.

Bahagian pertama menyentuh tentang manusia itu berbeza antara satu sama lain antaranya berbeza jantina, bangsa, agama, warna kulit, saiz dan sebagainya. Terdapat perbezaan yang tidak langsung seperti perbezaan latar belakang, kepercayaan, budaya, adat, amalan dan perbezaan dari segi psikologi. Kesemua perbezaan ini menyebabkan seseorang itu unik dan kita tidak akan menjumpai setiap individu itu sama. Perbezaan ini boleh menjadi bibit perpecahan sekiranya kita tidak sedar akan perbezaan tersebut sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Perkara paling asas adalah untuk mengenalpasti perbezaan dan meraikan perbezaan sesama manusia. Itulah konsep *Circle of Tolerance* atau Bulatan Toleransi.

Bahagian kedua buku ini menjelaskan tentang model *Colored Brain*. Terdapat lima (5) fungsi utama otak manusia iaitu menerima, menyimpan, menganalisis, mengawal dan memberi output. Fungsi ini membuatkan otak mempunyai fungsi penting untuk manusia menerima maklumat, berfikir dan bertindak. Model *Colored Brain* ini menyentuh sifat genetik manusia dalam berkomunikasi dan merupakan kajian mengenai bagaimana otak memproses pemikiran mereka berdasarkan beberapa faktor genetik.

Colored Brain merungkai bagaimana manusia memproses maklumat di dalam otak dan bagaimana proses ini berbeza dengan individu lain. Ia menjelaskan bagaimana cara kepimpinan seseorang pemimpin itu berbeza, mengapa manusia berbeza dari segi pandangan, apakah proses kita membuat keputusan, bagaimana kita dapat menangani konflik dari sudut komunikasi, bagaimana kita dapat memperbaiki hubungan dan kita boleh mempengaruhi individu lain berdasarkan proses mereka.

Dalam teori *Colored Brain*, terdapat empat (4) jenis otak yang dilabelkan dengan warna iaitu *Green Brain*, *Red Brain*, *Blue Brain* dan *Purple Brain*. Ciri-ciri

komunikasi *Green Brain* ialah bertanyakan soalan menjurus kepada soalan berikut seperti kenapa? bagaimana?, bercakap dengan bahasa yang mudah dan kadangkala lari dari topik serta kadar percakapan tidak menentu kadangkala laju dan kadangkala perlahan. *Red Brain* berkomunikasi menggunakan fakta, kurang menunjukkan emosi, percakapan lebih tersusun dan nada suara yang lebih rata. Komunikasi *Purple Brain* iaitu bertutur dengan banyak perincian, banyak bertanyakan soalan yang lebih lanjut seperti siapa? apa? bila? bagaimana?, ayat disusun seolah-olah dalam satu perenggan dan percakapan lebih tersusun dengan ayat yang lengkap. *Blue Brain* pula memberikan reaksi semasa bercakap dari segi mimik muka dan bahasa tubuh, menggunakan penceritaan untuk menyampaikan sesuatu, meluahkan perasaan dan beremosi dan mengambil berat mendengar sebarang permasalahan.

Bahagian ketiga menerangkan tentang aplikasi *Colored Brain*. Terdapat lapan (8) aplikasi iaitu mengenal potensi diri, menguruskan pasukan, kepimpinan, keusahawan, jualan, pendidikan dan pembelajaran, perhubungan dan pengurusan masa.

Aplikasi mengenal potensi diri menjelaskan setiap manusia mempunyai potensi dan kekuatan yang berbeza dan tidak perlu fokus dengan kelemahan kerana kita perlu menggunakan kekuatan yang ada untuk mencapai sesuatu objektif.

Aplikasi menguruskan pasukan dengan meletakkan ahli pasukan *Red Brain* dan *Purple Brain* bagi mewujudkan pasukan kerja yang sangat efektif.

Aplikasi Kepimpinan mengupas tentang warna terbaik sebagai kunci untuk menjadi pemimpin yang baik adalah mengguna pakai warna semulajadi pemimpin tersebut. Keaslian (*authenticity*) adalah salah satu kunci terbaik. Pada masa kini keaslian mempunyai standard tertinggi dalam kepimpinan.

Aplikasi keusahawanan menyatakan setiap warna sesuai untuk menjadi usahawan yang hebat dan kuncinya adalah kita perlu kenalpasti kekuatan dan apakah lensa keusahawanan kita kerana ia dapat membantu menjadi seorang

usahawan yang efektif dan dapat membentuk pasukan dari pelbagai warna untuk menampung kelemahan yang ada.

Aplikasi jualan pula dapat membantu untuk mengenalpasti pelanggan dan apakah *Colored Brain* mereka dan dapat membantu menyusun strategi jualan dan perkhidmatan. Aplikasi pendidikan dan pembelajaran ini memberikan kita gambaran bagaimana sebenarnya kita belajar dan teknik pembelajaran terbaik adalah pembelajaran sepanjang hayat tidak terhad dalam kelas sahaja. Aplikasi perhubungan menerangkan setiap perhubungan bukan hanya untuk mencari titik persamaan kerana akan ada perbezaan dan akan melalui *true colors* atau warna sebenar terutamanya kepada pasangan. Dari konteks *Colored Brain*, warna pasangan berbeza mungkin menimbulkan konflik perbezaan antara kedua pasangan. Aplikasi yang terakhir iaitu pengurusan masa menjelaskan ia adalah satu disiplin yang penting bagi memastikan produktiviti seseorang atau syarikat.

Secara kesimpulan, kaedah *Colored Brain* dapat membantu seseorang dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar. Mengenal pasti pola asas dengan cara otak memproses genetik di dunia di sekeliling kita, kita mengatasi salah faham, konflik, dan pembaziran potensi individu dan kumpulan. Buku ini sarat dengan teknik dan penceritaan untuk pemahaman yang lebih baik oleh pembaca dan dapat membantu berkomunikasi dan menjadi pemimpin yang cemerlang.

Pengulas:

Nor Amin bin Maidin


Penolong Pengarah

Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Jaffry Zakaria, Mohd. Taib Harun, Norlela Salamuddin

Amalan Pengurusan : Risiko Sukan dan Rekreasi

Selangor : Simplandin Resources, 2018.

ISBN 9789671585900

ULASAN

Tema berkaitan pengurusan risiko sukan dan rekreasi di Malaysia dijadikan skop penulisan buku ini. Latar belakang Dr. Jaffry Zakaria sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sukan dan Kejurutarian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang Pengurusan Sukan dan Rekreasi banyak membantu dalam penghasilan buku ini. Bidang penyelidikan beliau juga adalah khusus kepada pengurusan risiko, sukan dan rekreasi. Pelbagai jalinan kerjasama telah dijalankan bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), dan juga pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan melalui penghasilan modul dan penganjuran acara. Dr. Mohd. Taib Harun pula merupakan Profesor Madya dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah pengurusan dan pentadbiran sukan dan banyak terlibat dalam pelbagai konsultansi berkaitan program sukan dan rekreasi di peringkat kerajaan dan

badan bukan kerajaan. Dr. Norlena Salamuddin pula merupakan Profesor Madya di Fakulti Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mempunyai bidang kepakaran dalam *Sports Medicine*, sains senam dan pemupukan nilai melalui sukan dan rekreasi.

Kemudahan sukan dan rekreasi yang telah disediakan oleh pihak kerajaan merupakan satu pelaburan jangka panjang yang amat besar. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan kepada komuniti setempat dalam menjalankan aktiviti riadah sukan dan rekreasi dengan selesa dan selamat. Walau bagaimanapun, melalui beberapa kajian mendapati bahawa pengurusan risiko kemudahan sukan dan rekreasi masih lagi pada tahap yang sederhana dan tidak mencapai tahap yang tinggi. Kelemahan dalam amalan pengurusan risiko ini bukan sahaja memberi kesan kepada usaha kerajaan dalam melahirkan warganegara yang sihat malahan turut memberi implikasi yang buruk kepada keselamatan dan pengguna kemudahan.

Pengurusan organisasi yang dirancang dengan baik dan dilaksanakan dengan teratur mampu meningkatkan lagi produktiviti sesebuah organisasi. Di samping itu, pengkhususan kerja, putaran kerja dan pemudahan kerja harus dilakukan bagi memastikan ahli organisasi berada dalam keadaan bermotivasi sebelum, semasa dan selepas melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan. Sekiranya pengurus gagal mengawal organisasi dengan baik maka pengurus meletakkan organisasi dalam situasi yang berisiko.

Pengguna sememangnya sentiasa berhadapan dengan risiko kecederaan dan kemalangan sama ada dalam penggunaan kemudahan dan juga aktiviti rekreasi. Pengurusan risiko amat penting dalam organisasi, pihak pengurusan dan jurulatih agar dapat melihat dan menguruskan risiko dengan lebih baik dan selamat. Walaupun pengurusan risiko ini telah dijalankan di Malaysia sejak dulu lagi, namun aspek ini masih belum lagi menjadi sesuatu isu yang penting dan perlu diambil perhatian serius. Oleh itu, hasil dapatan kajian-kajian yang pernah dijalankan seharusnya dijadikan sebagai salah satu sumber informasi yang

berguna bagi para penggubal dasar dalam membuat keputusan sebagai proses penambahbaikan berkaitan amalan pengurusan risiko berkaitan kemudahan sukan dan rekreasi di Malaysia.

Para penulis turut mengambil contoh model pengukuran yang telah diperkenalkan dalam menjalankan pengukuran amalan pengurusan risiko. Objektif utama pengurusan risiko adalah secara efisien untuk melindungi aset dan kemudahan, sumber kewangan organisasi dan untuk mencapai kestabilan kewangan dengan mengurangkan potensi untuk kerugian dalam kewangan tersebut. Kesemua model yang dibincangkan dalam buku ini banyak berkisar kepada amalan pengurusan risiko untuk mengenalpasti risiko, menilai setiap risiko dan potensinya serta melaksanakan kawalan risiko. Model-model ini adalah merupakan asas kepada teori untuk pengurusan risiko dan mempunyai perbezaan dalam proses penilaian, pengurangan dan pengawalan risiko khususnya terhadap pengguna, peserta dan organisasi secara keseluruhan.

Pada masa ini, masih lagi berkurangan bahan bacaan berkaitan amalan pengurusan risiko mengenai sukan dan rekreasi di Malaysia. Perkara ini adalah satu keadaan yang amat membimbangkan kerana kurangnya bahan maklumat ini telah menyukarkan masyarakat mendapatkan maklumat yang tepat dalam bidang ini. Masyarakat di Malaysia ini masih lagi kurang peka dengan amalan pengurusan risiko yang baik dan juga faktor keselamatan. Sikap mengambil mudah dan remeh tentang isu keselamatan boleh mengundang kemalangan yang boleh membawa kepada maut. Kejadian dan tragedi seperti lemas, ditimpa bumbung bangunan, kelemahan pemantauan, pengabaian prosedur keselamatan dan sebagainya menjadi perbincangan utama dalam isu pengurusan risiko. Buku ini memberikan pelbagai contoh kaedah pengawalan risiko yang boleh digunakan yang dapat mengurangkan kejadian yang tidak diingini. Perkara ini amat penting dalam memastikan kesinambungan aktiviti sukan dan rekreasi ini dapat berkembang dan seterusnya melahirkan mereka yang berpotensi dan boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengulas:

Zuraidah binti Sulaiman


Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AHMAD ADNAN FADZIL

Kisah Israk & Mikraj

Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2017.

ISBN 9789673882205

ULASAN

Tanggal 27 Rejab merupakan tarikh yang istimewa buat masyarakat Islam terutamanya masyarakat Islam Nusantara. Peristiwa pengembalaan Rasulullah SAW menuju tuhannya, (Israk dan Mikraj) merupakan peristiwa penting yang sering dirayakan setiap tahun oleh seluruh umat Islam di seluruh dunia. Israk dan Mikraj merupakan antara mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Allah SWT telah menunjukkan kekuasaan dan kebesaran-Nya serta mengurniakan kekuatan rohani yang besar kepada Baginda SAW demi mengutuhkan jiwanya dan menerangkan hikmah-hikmah ilahiah atas apa yang terjadi. Kisah ajaib ini telah direkodkan dalam Al-Quran dan hadis-hadis sahih dan wajib diimani.

Walaupun buku itu bersaiz kecil dan hanya mengandungi 84 muka surat, ia memberi makna yang besar. Ahmad Adnan menyatakan bahawa, dia menulis buku itu atas dasar untuk berkongsi kisah sebenar berkaitan Israk dan Mikraj iaitu peristiwa besar yang berlaku ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Masyarakat Islam khususnya orang Melayu di negara ini sudah tahu tentang peristiwa Israk dan Mikraj kerana mereka telah diberi pendedahan tentang kisah tersebut sejak kecil. Cuma, apa yang menyediakan ialah ada antara fakta yang diterima itu kurang tepat dan ditokok tambah sehingga terpesong daripada cerita sebenar. Cerita itulah yang menjadi kepercayaan mereka sehingga ke hari ini tanpa ada usaha untuk mengkaji kesahihannya.

Mengulas mengenai beberapa fakta yang dianggap tidak tepat yang kerap menjadi kepercayaan dan kefahaman kebanyakan orang Melayu sehingga kini, beliau memberitahu, antaranya ialah berkaitan buraq. Buraq merupakan kenderaan atau haiwan tunggangan Rasulullah yang digambarkan sebagai memiliki sayap. Menurut penulis, tiada hadis atau hujah tepat yang menggambarkan buraq memiliki sayap seperti yang difahami oleh masyarakat Melayu selama ini.

Justeru atas dasar tanggungjawab, beliau mengambil inisiatif untuk menulis sebuah buku yang mengandungi ringkasan berkaitan peristiwa besar ini sebagai rujukan kepada semua umat Islam di negara ini dalam usaha kita memahami kisah sebenar yang berlaku di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj. Kesemua bahan rujukannya berdasarkan riwayat daripada Sahih Bukhari dan Muslim yang merupakan sandaran utama ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut penulis, walaupun peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku pada 27 Rejab tahun ke-12 kenabian, merupakan perkara ghaib, namun sebagai umat Islam, kita wajib mempercayainya. Ia adalah mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Baginda. Justeru katanya, pada bab satu buku ini memberi penekanan

bahawa seluruh umat Islam wajib mempercayai peristiwa itu termasuk semua perkara yang terjadi sepanjang perjalanan Baginda dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Al-Aqsa di Palestin sebelum diangkat ke langit untuk bertemu Allah SWT.

Selain mempercayai kebenaran peristiwa itu, umat Islam juga seharusnya menjadikan setiap perkara yang berlaku sepanjang tempoh Baginda diisrak dan dimikrajkan itu untuk diadaptasi dalam kehidupan seharian. Misalnya, kejadian Rasulullah SAW bertemu malaikat Jibrail sebelum memulakan Israk, Baginda membawa maksud bahawa sebagai seorang hamba di dunia yang sedang dalam perjalanan menuju Allah SWT, kita harus ditemani oleh guru yang mursyid sebagai pembimbing. Mengupas mengenai perjalanan Baginda yang bermula dari Mekah ke Palestin yang merupakan perjalanan darat ke darat sebelum diangkat bertemu Allah SWT (perjalanan darat ke langit) pula, beliau menjelaskan, ia boleh diterjemahkan sebagai dua peringkat kehidupan manusia.

Peringkat pertama ialah hubungan manusia dengan manusia dan peringkat kedua ialah hubungan manusia dengan Pencipta. Kedua-dua peringkat itu perlu dilakukan dengan niat yang ikhlas semata-mata mencari keredaan Allah. Berkaitan perintah melaksanakan solat, ia menjelaskan bahawa Allah sangat mengasihi kita dengan menganugerahkan satu ibadah yang merangkumi kesemua bentuk ibadah. Dengan mendirikan solat, kita sebenarnya telah melakukan banyak ibadah dalam satu perkara.

Allah SWT telah menggandakan setiap satu waktu solat sepuluh (10) kali ganda, sama seperti 50 waktu solat yang diperintahkan pada awalnya, jelas beliau. Perbuatan Rasulullah berulang-alik bertemu Allah memohon supaya dikurangkan jumlah waktu solat itu juga mempunyai mesej tersendiri. Kita seharusnya tidak

jemu-jemu untuk terus meminta bantuan daripada Allah untuk memperoleh apa yang dihajati.

Bagaimanapun, dalam membincangkan tentang Israk dan Mikraj, kebanyakan masyarakat Islam hanya menganggap perintah mengerjakan solat lima (5) waktu itu merupakan perkara pokok peristiwa tersebut. Sedangkan menurut Ahmad Adnan, terdapat satu lagi perkara besar yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat Nabi Muhammad SAW yang kurang diberi penekanan iaitu ayat-ayat pada hujung surah al-Baqarah iaitu keampunan terhadap dosa-dosa besar selagi tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Sebagai kesimpulan, buku ini dapat merungkai kemosyikilan dan persoalan yang sering diutarakan tentang kisah Israk dan Mikraj menurut periyawatan yang tepat dan mengambil pedoman serta pengajaran daripada peristiwa agung ini lantas mengadaptasinya dalam kehidupan seharian.

Pengulas:

Mohd Fadzli bin Zainudin

Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ANUAR SHAH

Hari-hari Terakhir Seorang YB


Selangor: DuBook Press Sdn.
Bhd., 2017.

ISBN: 9789672108108

Buku ini merupakan nukilan penulis yang melihat dan mendekati golongan pemimpin politik yang pernah mewarnai gelanggang politik dan pentadbiran di Malaysia. Perkenalan secara kebetulan membawa kepada satu demi satu senario yang tidak dapat dilupakan oleh penulis. Walaupun berbeza karier, pentas politik, kepimpinan dan guaman, penulis dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan harian seorang tokoh politik yang pernah juga mewarnai kepimpinan sebahagian negara di Malaysia. Genre yang bersahaja, karya yang seperti diterjemahkan terus daripada minda yang menerima setiap visual dan pendengaran tajam yang menangkap setiap kata dan perbualan melalui mata dan telinga, dan juga pengalaman membawa diri mengikuti rombongan ahli politik ke beberapa buah negara di Eropah, menjadikan buku ini seperti karya penceritaan semula yang dibibitkan tanpa ada tapisan. Buku ini adalah sebahagian garapan penulis buat tatapan semua yang pernah mengenali dan menyantuni hidup seorang ahli politik, pemimpin masyarakat dan pemimpin rakyat, di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM A. BADARUDDIN

Minda Mumtaz

Selangor: Casamas Resources Sdn. Bhd., 2018

ISBN: 9789675994883

Dalam dunia yang penuh cabaran, pelbagai rintangan dan cabaran harus ditempuhi untuk menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara. Buku ini menyorot tentang konsep pemikiran Islam, ideologi semasa yang berkaitan dan kebangkitan Islam pada masa kini. Cabaran yang dihadapi perlu diketahui dan persediaan yang rapi perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap langkah dan pilihan perlu dilaksanakan dengan betul. Seterusnya penulis mengimbau sejarah-sejarah tokoh-tokoh unggul Islam pada masa lampau termasuk Abu Raihan Al-Biruni, Ibnu Battuta, Al-Farabi dan banyak lagi. Menjana Minda Mumtaz seterusnya memberi panduan kepada golongan remaja dan awal dewasa bagaimana untuk menetapkan matlamat yang unggul, disegani dan juga mantap. Sepuluh (10) tips mudah untuk pelajar juga disediakan bagi membina nilai-nilai murni masyarakat Islam bagi membentuk peribadi mulia.

SINOPSIS BUKU



OLAV SCHEWE

**Super Student: edisi Bahasa
Melayu**

Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing House Sdn. Bhd.,
2018

ISBN: 9789674810160

Pengajaran dan pembelajaran pada masa kini amat mencabar. Ianya bukan sahaja mencabar minda, malahan emosi. Sekiranya seseorang pelajar itu tidak mempunyai kekuatan emosi, kebiasaannya golongan ini kurang dapat memberi tumpuan di dalam kelas. Buku ini adalah terjemahan daripada hasil nukilan seorang insan yang amat lemah di dalam pengajaran dan pembelajaran. Apa yang membuatkan beliau boleh berjaya adalah kerana semangat yang tinggi, emosi yang jitu dan usaha yang berterusan. Dianggap sebagai pelajar yang lemah, penulis telah tercampak ke dalam kelas yang hampir kesemuanya mempunyai gred dan pencapaian yang cemerlang. Daripada situlah beliau telah memperoleh semangat yang kuat dan usaha yang tidak pernah mengenal erti penat lelah untuk Berjaya. Daripada seorang insan yang lemah di dalam pengajaran dan pembelajaran, penulis telah Berjaya memperoleh hamper tiga (3) tawaran kemasukan ke university dengan pembiayaan penuh. Siapa sangka, daripada seorang pelajar yang lemah, beliau telah Berjaya hingga ke menara gading.

SINOPSIS BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD
QAYYUM A. BADARUDDIN

Diari Cinta Wanita

Selangor: Casamas Resources
Sdn. Bhd., 2017

ISBN: 9789675994517

Industri buku di Malaysia mempunyai genre yang tersendiri. Daripada masakan, solekan, sukan, kekeluargaan, agama dan sebagainya. Ianya memaparkan cerminan budaya masyarakat majmuk Malaysia. Buku ini agak unik kerana ianya membicarakan atau memfokuskan tentang lelaki ataupun suami yang diidamkan oleh para wanita. Pelbagai petua yang perlu diketahui khususnya oleh para wanita iaitu bagaimana untuk mendapatkan lelaki idaman untuk menjadi suami yang baik, bagaimana meneliti personaliti dan emosi seseorang lelaki itu dan juga fakta-fakta menarik oleh lelaki yang diidam-idamkan oleh para wanita. Buku ini amat sesuai untuk dibaca oleh para wanita dewasa masa kini. Bagi para wanita yang akan berumahtangga dan sedang dalam alam percintaan mahupun sedang merancang-rancang untuk membina mahligai idaman, inilah masanya untuk membaca buku yang amat menarik.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ROSLI OMAR

Birds of the forests of Peninsular Malaysia: a photographic guide


Selangor: SIRDC, 2018.

ISBN: 9789672165200

Bagi para pencinta hidupan liar terutamanya burung, inilah bahan bacaan yang sesuai. Penulis membawa pembaca mengenali jenis-jenis burung hutan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Diketahui umum bahawa Malaysia adalah salah satu negara tropika yang mempunyai pelbagai khazanah hidupan yang perlu diterokai dan sememangnya telah dan sedang dipelihara untuk generasi akan datang. Persembahan penulis di dalam buku ini amat menarik. Walaupun ringkas, penerangan yang diberikan sudah cukup untuk pembaca mengenali jenis-jenis burung hutan tropika. Gambar-gambar yang disisipkan bersama dengan penerangan ringkas begitu menarik dan bersahaja. Di sinilah para pembaca dapat mengenali dengan lebih dekat apa itu burung Cenok Birah, Enggang Gunong, Belatok Ranum, Pacat Kepala Merah, Sualo Api, Murai Cegar, Kelicap Sepah Raja, Rimba Lompat, Belatok Pinang Tua, Pipit Batu dan banyak lagi!.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



FAHD RAZY


Sains Menulis Puisi

Kuala Terengganu,
Terengganu: Penerbitan Kata-
Pilar, 2018.

ISBN: 9789672014447

Buku ini bukanlah buku sains atau buku puisi malah ia merupakan buku yang mengetengahkan garis panduan dalam menulis puisi. Buku ini membincangkan cara bagaimana menghasilkan puisi yang sekurang-kurangnya mempunyai cukup organ, deria, sifat dan fungsinya untuk dipanggil karya yang baik. Menulis puisi yang bagus ada tip atau tekniknya. Dalam buku ini terdapat beberapa cadangan konsep atau garis panduan yang sangat individualistik sifatnya. Terdapat istilah-istilah sastera yang dapat dipelajari melalui buku ini. Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh penulis puisi dalam menghasilkan puisi yang berguna dan terbaik juga terdapat dalam buku ini. Buku ini amat sesuai bagi penulis puisi yang baru berjinak-jinak dalam penulisan puisi. Banyak ilmu sastera boleh dipelajari melalui buku ini.

SINOPSIS BUKU



MUHABIR IBRAHIM

Nota Pewaris Jutawan

Ampang, Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd., 2018

ISBN: 9789674380434

Nota Pewaris Jutawan merupakan buku yang banyak mengupas maklumat berguna bagi mereka yang ingin megurus tanah-tanah pusaka yang ditinggalkan oleh ahli keluarga. Buku ini mengandungi perkongsian ilmu pengurusan harta oleh penulis bagaimana untuk bertindak menyelesaikan masalah tuntutan harta pusaka. Kebanyakan situasi dalam buku ini merupakan pengalaman sebenar penulis sendiri. Penulis buku menyajikan konsep-konsep mudah dalam isu menangani masalah berkaitan harta pusaka yang merupakan isu semasa dalam masyarakat yang sepatutnya diberikan perhatian oleh para pewaris. Melalui buku ini, pembaca dapat membuat keputusan dengan bijaksana dan belajar betapa pentingnya menjaga dan mengekalkan warisan harta peninggalan hasil kepayaan orang-orang yang terdahulu dari kita.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR. HAJI MOHD RAZAK
BIN MOHD NORDIN

**Panduan Pengacaraan
Majlis Dan Pengurusan
Majlis Rasmi**


Batu Caves, Selangor: Sri
Saujana Marketing, 2019

ISBN: 9789672133544

Buku ini merupakan buku panduan bagi semua golongan terutamanya kepada penjawat awam, guru dan mahasiswa dan penjawat awam yang selalu terlibat dengan majlis rasmi. Ia merupakan panduan bagi menjadi pengacara majlis yang baik dan pengurusan majlis rasmi. Kaedah-kaedah yang ditulis dan dikongsi oleh penulis amat berkesan bagi mereka yang baru berkecimpung dalam pengurusan majlis rasmi. Buku ini mengandungi contoh-contoh skrip atau teks ucapan yang amat berguna kepada mereka yang terlibat sebagai pengacara majlis. Keberkesanan dan kelancaran sesebuah majlis bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pengacara majlis dalam majlis berkenaan. Sehubungan itu, seseorang pengacara majlis perlu memahami prinsip dan amalan protokol kerana sebarang kecacatan atau kesilapan pengacara majlis akan menjelaskan perjalanan majlis dan memberi kesan kepada organisasi dan penganjur majlis yang terlibat. Buku ini sangat sesuai dan perlu dibaca oleh semua yang terlibat dalam pengurusan majlis rasmi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MUHABIR IBRAHIM

**Jika Saya Tidak
ke Universiti**

Ampang, Selangor: Pekan Ilmu
Publications Sdn Bdn., 2018

ISBN: 9789674380489

Buku ini ditulis oleh penulis yang datang dari keluarga yang susah dan menceritakan pengalaman hidup penulis daripada zaman belajar STPM hingga ke menara gading dan mendapat segulung ijazah. Mungkin bagi sesetengah orang, peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia adalah sesuatu yang biasa. Ia seperti juga peperiksaan lain dalam sistem pendidikan negara yang akan menyaring mereka yang terbaik. Namun bagi anak kepada seorang penoreh getah, STPM merupakan satu ujian besar dalam hidupnya. Penulis membawa dan membuka minda pembaca kepada pandangan tidak semestinya orang yang berjaya adalah mereka dari kalangan graduan universiti.

Banyak tip dan motivasi yang dapat diperoleh dalam buku ini yang dikongsi oleh penulis bagi memberi semangat kepada anak muda remaja yang ingin menyambung pelajaran ke universiti dan mencari pekerjaan.

SINOPSIS BUKU



ADRIE NOOR AL-FATIA, ARNIE SANIB, & MUTIA ALTHAF

25 Misteri Menggemparkan Dunia


Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd, 2018.

ISBN: 9789674811235

Di dunia ini terdapat banyak peristiwa misteri yang berlaku. Perkara yang berlaku itu mungkin daripada perbuatan manusia dan juga perkara itu terjadi dengan kehendak atas kekuasaan Allah SWT. Buku ini mengupas 25 misteri yang menggemparkan dunia di mana ia banyak mempengaruhi kerja harian manusia. Alam semesta dan segenap isinya tidak berhenti menampakkan pelbagai pesona luar biasa di segenap ufuk dunia. Fenomena dan kejadian luar biasa yang berlaku seperti matahari hitam, suara dengungan misteri, batu bernyawa, pelangi api dan pohon emas seolah-olah mengundang manusia bagi mengeksplorasi dan mengupas misteri-misteri berkenaan secara adil. Penemuan alam yang misteri ini disertai dengan penemuan-penemuan kawasan fosil, artifak misteri dan bertepatan dengan fakta-fakta dalam Al-Quran. Buku ini dapat menambah ilmu pengetahuan kepada pembaca mengenai alam misteri yang berlaku di dunia di samping mengukuhkan tauhid sebagai premis utama dalam diri pembaca.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



PROFESOR DATUK IR. DR. WAHID OMAR


Memacu Kegemilangan Pendidikan Tinggi Berpaksikan Kemanusiaan

Johor Bahru: Penerbit UTM Press,
2019.

ISBN: 9789835216039

Buku ini menggariskan gerak kerja UTM bagi tahun 2019. Ia membentangkan beberapa perkara asas yang memerlukan perhatian seluruh warga universiti dalam menjayakan perancangan UTM bagi tahun 2019 dan tahun seterusnya. Pelbagai inisiatif, pelan tindakan dan Indeks Prestasi Utama, serta Pelan Global UTM (2012-2020) dijadikan rujukan utama. UTM juga memulakan langkah menggerakkan persediaan pelan baharu, iaitu *envision UTM 2025*. Agenda utama UTM disusun mengikut 6 *Key Focus Area*, di samping agenda khas UTM Kampus Kuala Lumpur. Pihak UTM berkeyakinan untuk mampu mengembangluang seluruh kekuatan dan sumber yang ada bagi melaksanakan segala agenda yang telah digariskan. Menerusi pendekatan ini, penglibatan warga UTM adalah hampir menyeluruh menerusi sesi *town hall*, diperhalusi di peringkat pengurusan, dan diperakukuan oleh Lembaga Pengarah Universiti. Seharusnya warga UTM perlu mempunyai rasa kebersamaan dan keterangkuman dalam menjayakan agenda ini dengan penuh hikmah. Tambahan pula, sektor pendidikan tinggi masa kini terhimpit akibat pertembungan antara empat pihak berkepentingan, iaitu negara dan politik, ekonomi dan pihak industri, teknologi digital serta pelajar dan ibubapa.

SINOPSIS BUKU



EMILY TAN MEI SHAN

**They Did It! : Inspiring
Malaysian Business Stories**


Kuala Lumpur: Sparrow Publishing
House, 2018.

ISBN: 9789671439326

The book has three sections. The first is the Franchise section which features two convenience store franchises, 7Eleven (USA) brought in Berjaya Corporation Group and FamilyMart (Japan) by listed QL Resources Berhad group, and international restaurant franchises that include Nobu, Hard Rock Café, Tony Roma's, NY Steach Shack, TR Fire Grill, TGI Fridays, Johnny Rockets, Bumbu Desa, Red Lobster, Olive Garden and LongHorn Steakhouse. As for the second section, it covers about 10 inspiring Malaysian business stories. They are BookXcess (Andrew Yap and Jacqueline Ng), Dragon-I Restaurant Group (Datuk Henry Yip), Naelofar Hijab (Noor Neelofa Mohd Noor), Smart Reader Worldwide (Dato' Sri Dr Richard Ong and Dato' Dr KH Wang), Upin & Ipin (Haji Burhanuddin Md Radzi), Zang Toi (Datuk Zang Toi), Self-Potrait (Han Chong), BoBoiboy (Mohd Nizam Abdul Razak), Oriental Group (Navis Capital and Dato' Sri Phillip Siew), Penang Road Famous Teochew Chendul (Tan Chong Kim). Lastly, the author also includes the four (4) technology inspired chapters.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



WAN JI WAN HUSIN

Penunggang Agama?


Batu Caves, Selangor: Puteh Press, 2019.

ISBN: 9789673694051

Buku ini secara dasarnya adalah anti-tesis kepada apa yang dipercayai sebagai agama, walhal ia sebenarnya bukan daripada agama. Buku ini memberi penjelasan semula terhadap apa yang dipercayai itu yang hakikatnya bukan apa yang berlaku pada zaman wahyu terdahulu. Zaman sekarang, ayat Al-Quran dan hadis, bukan sekadar diperalatkan bagi melakukan kerosakan, malahan terdapat keadaan di mana wahyu tuhan itu digunakan bagi mlariskan barang jualan. Makanya, kedengaran berbagai-bagai jenama agama pada barang jualan yang semua itu kadangkala tidak munasabah langsung. Antara contohnya, jenama ais krim Sunnah, air jampi yang harganya begitu mahal dan banyak lagi. Tidak kurang juga beberapa perkara yang ramai muslim menganggap ia datang pada zaman Nabi, walhal itu tidak benar sama sekali. Justeru, buku ini merungkai persoalan, adakah kesemua produk itu menjual untuk Islam atau menjual Islam?

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR NURADLI RIDZWAN SHAH BIN
MOHD DALI


Pejuang Candlestick

Seremban, N. Sembilan: Ultra
Consulting Research and Training,
2019

ISBN: 9789671646892

Buku ini ditulis selepas penulis berbincang dengan pakar saham dan pelabur-pelabur saham di dalam kumpulan pembelajaran atas talian telegram mengenai keperluan untuk menyediakan buku berkenaan asas saham untuk pelabur dan pedagang yang mahu mempelajari dan menceburi pelaburan saham. Salah satu ilmu yang penting untuk dikuasai adalah ilmu *candlestick*. *Candlestick* adalah salah satu ilmu yang tertua di dalam pelaburan saham yang diasaskan oleh pedagang Jepun pada kurun 1700. Ia digunakan secara meluas untuk menerangkan psikologi pedagang saham di dalam suatu masa. Ilmu *candlestick* membolehkan pedagang untuk memahami samada sesuatu saham mengalami tekanan jualan atau tekanan belian berdasarkan corak *candlestick* tersebut. Justeru itu, pedagang boleh membuat ramalan arah pergerakan harga pada jangka masa pendek.

SINOPSIS BUKU



MOHD YUSOF ISMAIL
Pengantar Pengajian Hadis


Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2018.

ISBN: 9789674405236

Modul Pengantar Pengajian Hadis disediakan agar pelajar dapat menimba pengetahuan asas yang mencakupi aspek-aspek penting dalam pengajian hadis. Selain itu, modul ini menjelaskan tajuk-tajuk asas dalam pengajian hadis yang merangkumi istilah-istilah asas, kitab rujukan dan kaedah ulama dalam karya mereka. Di samping itu, penekanan terhadap kaedah takhrij al-Hadith dan kaedah memahami hadis dengan baik turut didedahkan untuk memberikan kemahiran asas berinteraksi dengan hadis nabawi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM
BIN A. BADARUDDIN

Anwar Ibrahim : Dari Penjara ke Istana


Kajang, Selangor: Casamas Resources Sdn Bhd, 2018.

ISBN: 9789672107071

Pengampunan tanpa syarat tokoh reformasi ini telah menimbulkan satu fenomena yang tidak pernah dijangka. Dari penjara ke istana telah menyaksikan kuasa rakyat yang telah membuktikan ‘kebenaran mengatasi kebatilan’. Bak kata Jeneral Sudirman, ‘Jika ingin menang, kena kuat. Jika ingin kuat, kena bersatu. Jika ingin bersatu, suburkan sillaturrahim’. Antara faktor utama kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU 14 adalah kerana mereka bekerjasama dan berganding bahu. Kemenangan ini telah memberi harapan ke arah pengampunan mutlak ke atas Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Inilah kemenangan yang sungguh gemilang di dalam sejarah politik Malaysia. Sejarah juga tercipta apabila beliau yang dinafikan hak kebebasan sejak 1998 lagi, iaitu selama 20 tahun, dan akhirnya segala tuduhan telah lenyap dan maruah telah dikembalikan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MOHD ERFINO JOHARI

Sekilas Tinta Dari Ealing Broadway


Rawang, Selangor: Mohd Erfino Johari, 2019.

ISBN: 9789671669105

Buku ini merupakan nukilan penulis yang melihat dan menilai isu serta permasalahan umat Islam di United Kingdom khususnya dan di benua Eropah amnya. Dalam masa yang sama, penulis mengemukakan buah fikiran dan cadangan penyelesaian yang boleh diusahakan oleh pelbagai pihak dari rakyat biasa hingga kepada peringkat pemimpin dan pengubal dasar. Pengalaman penulis selaku Atase Pendidikan (Bahagian Bimbingan Agama) di Kota London mulai 2006 hingga 2010 merupakan satu amanah yang terbesar yang harus digalas. Penulis bukan sahaja berpengalaman sebagai pengurus hal ehwal keagamaan dan program-program pembentukan sahsiah bagi berbelas ribu pelajar Malaysia yang menuntut di pelbagai Universiti di Luar Negara. Malah beliau berperanan sebagai pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk Luar Negara. Berpengalaman mengendalikan lebih 70 majlis akad nikah dan mengislamkan lebih 70 saudara baharu di Malaysia Hall dan sekitar United Kingdom. Buku ini adalah sebahagian garapan penulis buat tatapan semua yang pernah mengenali dan menyantuni hidup penulis.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SITI FATIHA YAHYA &
SHARIFAH NURSYAHIDAH
SYED ANNUAR

**Hallyu: Kimchi, Budaya
Popular dan Kuasa Lunak
Korea Selatan**


Selangor: SIRD, 2018

ISBN: 9789672165224

Hallyu bukan sekadar produk budaya popular dari negara Korea Selatan – drama, filem, muzik, makanan segera dan fesyen tetapi juga kuasa lunak yang mampu mengeksplorasi dimensi ekonomi dan politik. Penerbitan buku ini merupakan anjakan daripada tesis sarjana Siti Fatiha Yahya ketika beliau mengikuti program Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Melaluiuraian dan olahan yang kemas dan padat, penulis menghuraikan bagaimana Hallyu terbentuk hasil perubahan struktur ekonomi Korea Selatan yang kemudiannya menjadi bahan eksport yang menguntungkan ekonomi dan sosio politik Korea Selatan. Kajian ini dilanjutkan lebih jauh dengan meninjau impak Hallyu di Malaysia. Kajian merangkumi penerimaan mahu pun penolakan terhadapnya. Pastinya karya ini adalah bahan bacaan yang menarik buat peminat K-Pop di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



USTAZ EMRAN AHMAD

Merawat Penyakit Was-Was


Sungai Buloh, Selangor:
Santai Ilmu Publication, 2018

ISBN: 9789672239154

Dalam badan manusia ada sesuatu yang disebut sebagai jiwa dan ia menjadi sumbu kepada kehidupan seseorang. Justeru, nilai kehidupan ini adalah diukur berdasarkan kekuatan jiwa seseorang. Jiwa yang sakit perlu dirawat. Buku ini ditulis sebagai panduan dalam merawat dan membantu menyembuhkan jiwa-jiwa yang sakit akibat gangguan syaitan dan tipu dayanya. Pelbagai penyakit akan dapat menyerang jika sumbunya rosak dan tidak sihat. Manusia perlu sentiasa ingat bahawa iblis dan syaitan telah berjanji dengan Allah SWT bahawa mereka akan mengganggu dan menyesatkan manusia agar dapat bersama-sama dengan mereka disumbatkan ke dalam api neraka. Iblis akan sentiasa membisikkan api kejahatan ke dalam jiwa insan bernama manusia. Penulis juga menyertakan sumber rujukan bagi dalil ayat-ayat Al-Quran dan hadis untuk rujukan lanjut para pembaca. Semoga dengan penerbitan buku ini dapat memberikan manfaat dan merungkai persoalan umat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ANAS ZUBEDY


10 Prinsip Kesederhanaan Rakyat Malaysia: The 10 Principles for Moderate Malaysians

Kuala Lumpur: Zubedy Ideahouse Sdn Bdn., 2019

ISBN: 9789671566725

Buku ini ditulis ketika rakyat Malaysia terumbang ambing dalam membuat penilaian apa itu yang dikatakan dengan kesederhanaan. Penulis yakin sebahagian besar masyarakat percaya bahawa kesederhanaan merupakan perkara yang terpuji. Walaupun tidak mampu memberikan sepenuh komitmen terhadap prinsip kesederhanaan, namun rakyat menyokong akan prinsip kesederhanaan. Kini, terdapat keperluan yang mendesak untuk bermuafakat dan menetapkan satu standard bagi menggariskan apakah ertinya kesederhanaan. Penulis mempertimbangkan pelbagai aspek bagi menetapkan prinsip kesederhanaan antaranya melalui tradisi, agama dan budaya. Sepuluh (10) prinsip kesederhanaan tersebut adalah menerima tanggungjawab dan akauntabiliti, mengamalkan rasa bersyukur, tiada sifat tamak, bersangka baik, menjadi orang yang kritis terhadap diri dan komuniti sendiri terlebih dahulu, bersikap jujur terhadap kedua-dua pihak, mengamalkan peraturan emas, menerima dan mengamalkan kepelbagai, menambahkan nilai dan mengamalkan sikap pengasih dan penyayang. Buku ini ditulis dengan harapan agar kesemua prinsip menjadi satu garisan panduan asas kepada amalan dan penghayatan kesederhanaan. Buku ini ditulis dalam dwi bahasa dan dipersembahkan dalam format yang mudah difahami oleh pembaca.

SINOPSIS BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM
A.BADARUDDIN

Jack Ma:Bilionair Beracuan Unik


Selangor: Casamas Resources Sdn
Bhd, 2018.

ISBN: 9789675994241

Jack Ma adalah seorang jutawan yang terkenal yang menjadi pelopor dalam menyediakan kemudahan perdagangan barang ke luar negara melalui alam maya. Siapa yang tidak mengenali laman web Alibaba? Kini Alibaba Group bernilai lebih dari USD 200 bilion dan disenaraikan dalam Bursa saham New York pada Oktober 2014. Buku ini mengisahkan kehidupan dan dugaan yang terpaksa dilalui oleh Jack Ma sebelum berjaya menjadi seorang jutawan. Menariknya buku ini adalah penulis turut menulis tentang tujuh (7) gaya fikir jutawan berusia 22 tahun. Antaranya adalah umur sekadar nombor, melabur pada diri sendiri, elakkan *decision fatigue*, membina daya tahan minda, berfikir secara besar, lakukan sesuatu perkara secara teratur dan bersistem serta percaya pada diri sendiri. Selain itu juga, penulis mengajak pembaca agar berpegang kepada ajaran dan kepercayaan agama dalam menjalankan perniagaan supaya mendapat keredhaan. Semoga penerbitan buku ini dapat menjentik semangat pembaca untuk tidak berputus asa untuk mengejar cita-cita dan impian.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ZAIDAH ABDUL RAHMAN
**Apa yang Anda Perlu Ketahui
Tentang Penyakit Berjangkit**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan
Pustaka, 2018.
ISBN 9789834917265

Kesihatan yang baik merupakan satu aset yang sangat berharga. Apabila seseorang telah dijangkiti penyakit, bukanlah proses yang mudah untuk merawatnya malah sesetengah penyakit mendapat komplikasi penyakit dan kesan sampingan. Tambahan pula, kos rawatan juga tidak menentu dan kadangkala memerlukan perbelanjaan yang banyak. Jenis-jenis penyakit yang terdapat dalam buku ini adalah berdasarkan kekerapan penyakit tersebut berlaku dalam kalangan komuniti setempat. Antara penyakit yang dibincangkan di dalam buku ini adalah Tuberkulosis (batuk kering), taun, demam kepialu, kurap, panau, Leptospirosis (kencing tikus), HIV / AIDS, Hepatitis B, Influenza (selesema), jangkitan cacing, demam denggi, demam Zika, Difteria dan Rabies (penyakit anjing gila).

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




DINI FARHANA BAHRUDIN,
MOHD. ZALIRIDZAL ZAKARIA,
SUHAILIZA MD. HAMDANI
DAN MARINA MUNIRA ABDUL
MUTALIB
**Perkahwinan, Keluarga dan
Wanita : Isu dan Pendekatan
dalam Kaunseling**
Nilai, Negeri Sembilan : Penerbit
USIM, 2018.
ISBN 9789674405236

Peningkatan kadar penceraian bagi pasangan yang berkahwin di Malaysia menjadi inspirasi di sebalik penerbitan buku ini. Jumlah kes-kes penceraian yang semakin membimbangkan dan menggambarkan wujudnya keperluan bagi memperkuuhkan institusi perkahwinan di Malaysia. Salah satu caranya ialah mengukuhkan pengetahuan dalam kalangan pelajar, ahli akademik, pengamal kaunseling dan masyarakat tentang isu-isu serta pendekatan kaunseling yang berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga. Buku ini di terbitkan betujuan menyokong usaha yang telah dilaksanakan institusi kekeluargaan dalam negara. Selain pendekatan kaunseling konvensional, pendekatan Islam turut dikupas dalam buku ini bagi memberikan suatu pandangan yang komprehensif tentang isu-isu dan cabaran yang ada.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SUZIANA MAT YASIN AND
IBRAHIM NGAH
**Indonesian Immigrant
Labours in Rural Johor**
Johor Bahru : Penerbit UTM
Press, 2018.
ISBN 9789835215216

This book explores the immigrant determinants, characteristics, and consequences of Indonesian workers in various types of rural settlements in Johor. Questions about the role of immigrants in rural economy and the society, and the reactions of local people towards them are examined. Studying the immigrants' roles and reaction of the local people will strengthen discussions on the causal effects of international migration phenomenon while distinguishing local society stigma which has overshadowed the reality of immigrants' life in rural areas. This book provides an understanding on the contribution of Indonesian workers to rural development specifically in Johor, Malaysia, and the perception of local people towards them and its implication to rural development.

SINOPSIS BUKU




DR. ADI HASHMAN
Mengapa Rasullah Tidak Pernah Sakit
Baru Caves, Selangor :
Publishing House
Sendirian Berhad, 2018.
ISBN 9789674812034

Buku ini membincangkan rahsia gaya hidup sihat Islam yang diamalkan Rasulullah SAW sepanjang kehidupannya. Turut membicarakan secara terperinci berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan kesihatan tubuh badan melalui pemakanan yang sihat, penjagaan rohani yang berkesan dan amalan-amalan yang dianjurkan oleh Islam melalui Al Quran dan Hadis Rasullah. Setiap individu mampu mempraktikkan panduan dan kaedah yang ditunjukkan di dalam buku ini dengan mudah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ROSLI ABDUL RAHIM
Physiology of The Respiratory System
Kuala Lumpur : IIUM Press, 2018.
ISBN 9789674184629

This textbook describes the physiological function of the respiratory system which includes mechanics of breathing, lung function test and its interpretation, exchange and transport of gases, ventilation/perfusion in the lungs, regulation of respiration, hypoxia and acclimatization to higher and lower altitude in our human body. This textbook also describes the physiological function of the respiratory system in Islamic aspects. The entire learning outcomes specified for each subtopic are provided as student read through each chapter. This textbook is also written in such way that it is simple and easy for the students to comprehend. All illustrations are specially hand drawn and coloured to explain the main idea discussed in each chapter.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



TAN SRI DATO' SERI (DR.)
HARUSSANI HJ. ZAKARIA

**Memoir Harussani Zakaria: Dia
Akan Jadi Mufti**


Sintok: Penerbit Universiti Utara
Malaysia, 2018.

ISBN: 9789672210160

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani bin Hj. Zakaria merupakan anak kepada pasangan Hj. Zakaria b. Hj. Osman dan Hjh. Zainab bt. Jalaluddin, telah dilahirkan kira-kira 79 tahun yang lalu di Parit Buntar, Perak. Perjalanan sebagai Mufti beliau bermula apabila menjawat jawatan sebagai Kadi di Jabatan Agama Pulau Pinang bermula dari tahun 1967 hingga 1973, kemudiannya dilantik sebagai Kadi Besar dari 1973 hingga 1985. Kefasihan beliau dalam mengulas isu-isu agama Islam telah melayakkan beliau untuk dilantik sebagai Mufti Perak bermula 1985 hingga kini. Secara umumnya, beliau adalah seorang yang tegas dalam pendiriannya. Ketegasan beliau dalam isu-isu yang melibatkan agama Islam ini sebenarnya bukan lagi menjadi rahsia, sama ada dalam kalangan sahabat handai, para penyokong, mahu pun mereka yang tidak sependapat dengan beliau. Sejarah telah merakamkan betapa lantangnya beliau ketika bercakap tentang isu murtad, poco-poco, Majlis Perundingan Antara Agama, yoga, penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam, kerajaan perpaduan (UMNO-PAS) dan yang terkini mengenai demonstrasi jalanan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AZMAN AB. RAHMAN

**Model Pengimaranan Masjid Bagi
Kesejahteraan Komuniti
Berkonsepkan Mizan**


Negeri Sembilan: Penerbit USIM,
2018

ISBN: 9789674405397

Buku Model Kelestarian Pengimaranan Masjid bagi Kesejahteraan Komuniti Berkonsepkan Mizan ini merupakan kompilasi dan gabungan tujuh modul yang merangkumi aspek kesejahteraan kesihatan masyarakat, keusahawanan Islam, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan kemudahan pintar, pendidikan dan keagamaan, perkhidmatan hal ehwal agama Islam, sukan dan rekreasi. Di samping itu, buku ini turut membincangkan bagaimana model yang dibina dapat membantu dalam mengimarahkan masjid pada masa ini dengan Maqasid Syariah dan aplikasi Maqasid Syariah dalam Model Kelestarian Pengimaranan Masjid bagi Kesejahteraan Komuniti Berkonsepkan Mizan. Model ini disusun dengan rapi bagi memastikan kandungan model benar-benar memberi impak dan manfaat yang besar kepada kesejahteraan masyarakat

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MOHD LIKI HAMID

Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2018.

ISBN: 9789672064879

Buku Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) ini merupakan sebuah buku ilmiah yang menerangkan tentang ilmu ketamadunan, terutama tentang tamadun-tamadun di Asia termasuk budaya dan falsafahnya. Menumpukan kepada perkembangan Tamadun Islam serta interaksinya dengan pelbagai tamadun-tamadun dunia yang lain. Ia juga turut menonjolkan Tamadun Islam sebagai contoh utamanya. Setiap bab banyak menyentuh tentang aspek-aspek kepentingan ketamadunan termasuklah sejarah, agama dan falsafah, tradisi dan budaya asli serta kedatangan Barat dan pengaruhnya. Buku ini juga mampu memberi pengetahuan dan gambaran betapa masyarakat Asia umumnya dan masyarakat Islam serta masyarakat Melayu khususnya telah pun mempunyai tamadun sendiri yang unggul dan sesuai dengan keadaan semasa. Oleh itu, diharap buku ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang keseluruhan konsep dan ilmu ketamadunan.

SINOPSIS BUKU




Perkahwinan, Keluarga & Wanita : Isu Pendekatan dalam Kaunseling

Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2018.

ISBN: 9789674405236

Peningkatan kadar perceraian bagi pasangan yang berkahwin di Malaysia menjadi inspirasi di sebalik penerbitan buku ini. Jumlah kes-kes perceraian yang semakin membimbangkan dan menggambarkan wujudnya keperluan bagi memperkuatkan institusi perkahwinan di Malaysia. Salah satu caranya ialah dengan mengukuhkan pengetahuan dalam kalangan pelajar, ahli akademik, pengamal kaunseling dan masyarakat tentang isu-isu dan pendekatan kaunseling yang berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga. Buku Perkahwinan, Keluarga dan Wanita: Isu dan Pendekatan dalam Kaunseling ini bertujuan menyokong usaha yang telah dilaksanakan pihak kerajaan mahupun swasta dalam memperkuatkan institusi kekeluargaan dalam negara ini. Selain pendekatan kaunseling konvensional, pendekatan kekeluargaan dalam Islam turut dikupas dalam buku ini bagi memberikan suatu pandangan yang komprehensif tentang isu-isu dan cabaran yang ada.

SINOPSIS BUKU



MOHD YUSOF ISMAIL
Pengantar Pengajian Hadis

Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2018.

ISBN: 9789674405236

Modul Pengantar Pengajian Hadis disediakan agar pelajar dapat menimba pengetahuan asas yang mencakupi aspek-aspek penting dalam pengajian hadis. Selain itu, modul ini menjelaskan tajuk-tajuk asas dalam pengajian hadis yang merangkumi istilah-istilah asas, kitab rujukan dan kaedah ulama dalam karya mereka. Di samping itu, penekanan terhadap kaedah takhrij al-Hadith dan kaedah memahami hadis dengan baik turut didedahkan untuk memberikan kemahiran asas berinteraksi dengan hadis nabawi.

